

'Subsidi berjaya tangani inflasi, stabilkan harga'

UM - 19/7/2022 m/s: 3

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan tindakan kerajaan meneruskan dan meningkatkan peruntukan subsidi lebih RM77 bilion tahun ini menjadi antara punca inflasi negara kekal rendah malah berjaya menstabilkan harga barang ketika ini.

Katanya, ini dibuktikan menerusi purata harga ayam yang menurun pada bulan ini, hasil tindakan meneruskan subsidi yang ditanggung kerajaan.

"Kita memberi subsidi ayam untuk memastikan harganya tidak naik iaitu sebanyak RM1.1 bilion untuk ayam dan telur, telur kita bagi subsidi sebanyak 3 sen baru-baru ini dan mulai 1 Julai, harga ayam kita kurangkan 20 sen dari segi subsidi.

"Kesannya, harga ayam dan bekalan ayam sudah pun stabil, walaupun kita tetapkan harga kawalan RM9.40 tapi purata nasional harga ayam pada 9 Julai telah menurun kepada RM9.22 dan Pahang merekodkan harga terendah RM8.95. Jadi, intervensi kerajaan menunjukkan kejayaan kerana bekalan ayam



ISMAIL Sabri Yaakob menjelaskan tentang isu subsidi keraaan dalam Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

sudah pun stabil dan harga dapat dikurangkan," katanya ketika sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menangani kenaikan kos sara hidup dan me-

mastikan kestabilan harga barangan supaya kekal pada harga mampu milik kepada rakyat.

Malah, Ismail Sabri mengakui, jika tidak kerana subsidi, inflasi negara mungkin boleh mencecah hingga 11 peratus.

"Subsidi menyebabkan inflasi kita kekal rendah, mungkin

paling rendah di Asia Tenggara dan mungkin juga di seluruh dunia. Inflasi negara kekal pada 2.8 peratus dan jika subsidi tidak diberikan, inflasi negara mungkin meningkat kepada lapan hingga 11 peratus.

"Jika dibandingkan negara jiran Thailand 7.7 peratus, Singapura 5.6 peratus, Indonesia 4.4 peratus, United Kingdom 9.1 peratus, Amerika Syarikat 9.1 peratus, Kesatuan Eropah (EU) 8.6 peratus. Maknanya kerajaan berbelanja lebih daripada RM77 bilion bagi memastikan rakyat tidak terkesan teruk akibat daripada kenaikan harga barang yang berlaku di seluruh dunia," katanya.

Selain itu, Ismail Sabri berpendapat, penambahan bantuan kewangan secara tunai melalui Bantuan Keluarga Malaysia turut membantu mengurangkan kesan kenaikan harga barang.

"Kita tidak boleh memberikan subsidi kepada setiap barang yang naik harga, takkan bawang naik harga esok kita nak bagi subsidi bawang, jadi kita beri tunai. Setakat ini, maksimum wang yang diperoleh B40 adalah sebanyak RM2,600 setahun," jelasnya.